

KEBOLEHGUNAAN KANDUNGAN PEMBELAJARAN DIGITAL (E-CITAC) BERASASKAN STRATEGI *BLENDED LEARNING* MENYUMBANG MOTIVASI DALAM PEMBELAJARAN KURSUS PENDIDIKAN ISLAM

*Norhapizah Mohd Burhan*¹, *Ab Halim Tamur*² & *Norazah Mohd Nordin*³
*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Pahang*¹
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^{2,3}
*nrizahuia_04@yahoo.com.my*¹, *tamuri67@gmail.com*² & *drnmn@ukm.my*³

ABSTRAK

Fasa perubahan dalam kandungan bahan pembelajaran di institusi pengajian tinggi adalah selari dengan kecanggihan teknologi dan inovasi dalam pendidikan. Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis kebolehgunaan kandungan pembelajaran digital (e-CITAC) berasaskan strategi *Blended Learning* dalam menyumbang motivasi untuk mempelajari Kursus Pendidikan Islam di peringkat universiti iaitu Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan pembangunan. Kajian penghasilan kandungan pembelajaran digital ini dibangunkan berdasarkan reka bentuk pembangunan Jenis 1. Terdapat tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian. Dalam fasa penilaian, reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi secara holistik digunakan untuk mendapat maklum balas tentang kebolehgunaan e-CITAC menyumbang motivasi kepada pelajar untuk mempelajari Kursus TITAS. Data diambil menerusi soal selidik dan temu bual. Seramai 123 orang pelajar terlibat menjawab soal selidik, manakala empat kumpulan pelajar pula terlibat di dalam sesi temu bual. Berpandukan kepada dapatan menerusi soal selidik dan temu bual, e-CITAC dapat membantu memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari Kursus TITAS. e-CITAC di anggap relevan dan ia merupakan konstruk yang tertinggi (min = 4.07) berbanding konstruk-konstruk yang lain. Manakala konstruk kepuasan (S) (min = 3.98), konstruk perhatian (A) (min = 3.97) dan konstruk keyakinan (C) (min = 3.91) ketiga-tiganya berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan e-CITAC ini dipersetujui oleh pelajar dapat membantu memberi motivasi dalam pembelajaran Kursus TITAS berasaskan strategi *Blended Learning*. e-CITAC dilihat dapat memberi motivasi kepada pelajar kerana kandungannya yang dibangunkan berasas strategi *Blended Learning* mempunyai kepelbagaian sama ada dalam bentuk peranan, penyampaian, metod instruksi dan media. Kandungan pembelajaran digital berasaskan strategi *Blended Learning* sesuai untuk digunapakai bagi kursus yang berkonsep fakta dan sejarah kerana menyediakan variasi bahan pembelajaran yang menarik. Kandungan pembelajaran digital interaktif yang diintegrasikan dengan model dan teori pembelajaran perlu dipergiatkan penghasilannya sebagai sokongan alternatif kepada perubahan pendidikan dalam pengajian tinggi pada era ini.

Kata Kunci: Kebolehgunaan, Kandungan Pembelajaran Digital, *Blended Learning*, Motivasi, Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia.

PENDAHULUAN

Kehidupan dalam abad 21 memperlihatkan ICT memainkan peranan penting kepada kehidupan dalam semua bidang termasuk pendidikan (Onn et al. 2009). Kecanggihan teknologi ICT mendorong pendidik di IPT bertindak selari dengan peredaran masa agar kandungan pembelajaran dipersembahkan dalam bentuk yang lebih efektif, berkualiti dan fleksibel. Namun, kualiti kandungan pembelajaran masih tidak dapat dihasilkan pada tahap yang cemerlang sehingga menimbulkan kurang motivasi

dan minat pelajar untuk belajar (Baharuddin et al, 2001; Fatimah et al. 2007; Rohana et al, 2015). Kandungan pembelajaran yang sedia ada bagi kursus dalam kategori Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana (Alias 2010) dan kurang mencukupi dalam bentuk terkini (Alias et al. 2011). Selain itu kandungan pembelajaran bagi Tamadun Cina dan India juga menghadapi masalah yang sama (Suraya & Faezah 2004). Kajian terhadap pelajar-pelajar yang mengambil kursus Tamadun Islam mendapati kandungan pembelajaran yang disediakan kurang sistematik dan sukar difahami (Norhapizah & Ab. Halim 2013). Isi kandungannya pula terlalu panjang dan tidak seragam (Norhayati Fatmi et al. 2010). Kajian Ismie Roha (2011) mengenai *Learning Management System* (LMS) mendapati 27% pelajar beranggapan kandungan pembelajaran yang disediakan sukar difahami. Kandungan pembelajaran di LMS tidak berjaya menarik dan membuktikan kepentingan dalam penggunaan bahan tersebut. Oleh itu, majoriti responden memilih untuk tidak mengakses LMS bagi pembelajaran mereka. Ini berlaku kerana fenomena struktur kandungan pembelajaran telah berubah daripada penggunaan buku dan manual bercetak kepada bentuk yang lebih kecil dan isi kandungannya diagihkan kepada topik yang lebih kecil dalam bentuk interaktif.

Kandungan pembelajaran digital direka dengan lebih berkesan dan fleksibel, boleh digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Salah satu fokus utama kandungan pembelajaran ialah mematuhi spesifikasi antarabangsa. Sebagai contoh, kandungan pembelajaran digital mempunyai kandungan mudah alih, mudah dicari, boleh disesuaikan dalam pelbagai platform, boleh digunakan semula dan boleh diubahsuai bagi memenuhi keperluan pengguna pada hari ini. Ia bertepatan dengan ciri kandungan pembelajaran digital hari ini di mana ia dibahagikan kepada beberapa lapisan berbeza termasuk kandungan, struktur, persembahan, konteks dan pedagogi yang perlu dipatuhi. Lapisan yang berasingan ini memudahkan pensyarah mengurus, penggunaan semula, menyimpan kandungan yang menyebabkan pembelajaran lebih berkesan. Malahan, kandungan pembelajaran digital yang mematuhi piawaian SCORM (*Shareable Content Object Reference Model*) boleh digunakan dalam pelbagai platform mengikut citarasa pengguna (Robson 2013; Tom Boyle 2009).

Bukan itu sahaja, elemen dan rekabentuk kandungan pembelajaran adalah faktor kritikal untuk kejayaan pembelajaran elektronik. Ini adalah kerana walau bagaimana cantiknya persembahan kandungan pembelajaran elektronik atau betapa canggihnya teknologi yang diguna dan dihasilkan, jika kandungan pembelajaran tersebut tidak berasaskan prinsip-prinsip pedagogi dan prinsip rekabentuk pengajaran, maka kandungan pembelajaran tersebut tidak akan mempunyai nilai kebolehgunaan yang tinggi. Kandungan tersebut sekiranya tidak mencapai kualiti yang diterima dan tidak dapat menyumbang motivasi untuk belajar, menyebabkan pelaksanaannya terbantut dan keberkesanannya turut diragui (Baharuddin et al. 2001; Fatimah et al. 2007).

KAJIAN LITERATUR

***Blended Learning* Dari Perspektif Islam**

Blended Learning (BL) ialah salah satu strategi pembelajaran pada abad ke 21 yang menggabungkan kepelbagaian corak pembelajaran agar dapat meraikan perbezaan setiap individu (Driscoll 2002). Islam mengiktiraf manusia mempunyai perbezaan potensi dan kebolehan antara satu sama lain. Oleh kerana itu, pendekatan dan strategi yang hendak digunakan dalam pembelajaran perlu mengambil kira kepelbagaian bakat, kemahiran dan ilmu yang dimiliki oleh setiap individu. BL sebagaimana yang dinyatakan oleh Driscoll (2002) mengemukakan strategi yang berbeza kepada orang yang berbeza.

BL ialah program pendidikan formal iaitu pelajar belajar sekurang-kurang melalui penyampaian kandungan dalam talian dengan sebahagian elemen yang dikawal oleh pelajar beberapa waktu secara sendiri, dan pada mana-mana tempat (Graham 2006). Kepelbagaian strategi dalam BL bersesuaian dengan sifat manusia yang diciptakan oleh Allah berbeza kemampuan di antara satu sama lain (Rohana 2010). Program pendidikan Rasulullah sangat menitikberatkan keadaan kemampuan atau potensi yang dimiliki oleh setiap anak didik (Abdul Fattah 2011). Fry (2009) mengakui semua orang tidak belajar dalam bentuk yang sama atau bersedia terhadap semua bahan pembelajaran pada setiap masa. Tambahan pula, salah satu sifat manusia yang tidak dapat dielakkan ialah konsep manusia yang pelupa seperti firman Allah dalam surah al-Zumar ayat 8 iaitu:

Maksudnya: Dan apabila manusia itu ditimpa kemudaratan, dia memohon pertolongan kepada Tuhannya dengan kembali kepadaNya; kemudian apabila Tuhan memberikan nikmatNya kepadanya lupalah dia akan kemudaratan yang pernah dia berdoa kepada Allah untuk menghilangkannya sebelum itu.

(Abdullah Muhammad Basmeih 2001)

Selanjutnya, dalam surah dan ayat yang lain pula, Allah berfirman tentang kelekaan dan kealpaan manusia sebagaimana surah al-Isra' ayat 83 iaitu:

Maksudnya: Dan apabila Kami berikan kesenangan kepada manusia, nescaya berpalinglah dia; dan membelakangkan dengan sikap yang sombong; dan apabila dia ditimpa kesusahan nescaya dia berputus asa.

(Abdullah Muhammad Basmeih 2001)

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas menunjukkan sifat pelupa yang dilalui oleh manusia terutama apabila memperoleh nikmat yang dikurnia Allah. Dalam situasi sebegini, jika dikaitkan sifat manusia dengan pembelajaran, maka sudah tentu manusia juga tidak lari daripada lupa terhadap apa yang telah dipelajari atau dilakukan. Sehubungan dengan itu, BL dilihat bersesuaian kerana ia menyediakan kepelbagaian corak pembelajaran yang berupaya memenuhi keperluan pelajar mengikut kondisi individu pelajar (Bersin 2004; Kaur 2013). Manusia diperlengkapi dengan anugerah kebebasan memilih (free will) iaitu menerima pakai apa sahaja corak kehidupan yang dia pilih dan suka (Kamarudin 2010). Situasi ini sama juga seperti makhluk lain. Walau bagaimanapun, kebebasan manusia berbeza dengan makhluk kerana berbeza peranan, maka manusia bertanggungjawab terhadap potensi kebebasan memilih (Rohana 2010). Manusia diberi kebebasan fikiran, pilihan dan tindakan bermula daripada alam rahim (Wan Mohd Nor 2005; A'la Mawdudi 2013). Bahkan, Allah berfirman mengenai perjanjian roh manusia dengan Allah S.W.T seperti yang terdapat dalam surah al-A'raaf ayat 172 iaitu:

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa (roh) mereka (seraya berfirman): Bukankah Aku ini Tuhanmu?. Mereka menjawab: Betul (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi”, (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari Kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (Keesaan Tuhan)”.

(Abdullah Muhammad Basmeih 2001)

Ayat di atas dengan jelas menunjukkan Allah mengambil kesaksian terhadap roh. Kejadian ini tidak diceritakan dalam proses penciptaan makhluk lain seperti alam haiwan dan manusia. Kejadian ini menunjukkan Allah S.W.T memberi pilihan kepada manusia (Wan Mohd Nor 2005). Dalam konteks ini, pembelajaran adalah salah satu pilihan manusia dan dengan itu pelajar perlu memilih corak pembelajaran yang tepat serta bersesuaian agar dapat memenuhi keperluan emosi dan spiritual yang menjadi asas kepada pembangunan manusia secara menyeluruh (Rohana 2010).

Kelebihan Pendekatan *Blended Learning*

Pelajar telah terdedah dengan teknologi sebelum memasuki universiti. Oleh itu, pelajar mempunyai ikhtiar tersendiri untuk belajar dan diberi peluang untuk memilih strategi pembelajaran yang diminati untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang (Muhammad al-Mahdi 2004). BL yang menyediakan pembelajaran dalam pelbagai persekitaran, modaliti, peranan dan medium penyampaian dapat meraikan minat pelajar yang berbeza perspektifnya. Berpandukan kepada konsep al-Ghazali dan al-Faruqi (2011), untuk menyampaikan pembelajaran, ia memerlukan kepada uslub atau kaedah yang bersesuaian. Kashif et al. (2015) menyenaraikan rangka kerja dalam mendidik adalah berasaskan pembaharuan diri, luar biasa, puas hati, bermotivasi dan menarik. Dari sudut pembelajaran, Yilmaz dan Orhan (2010) melihat BL mempunyai ciri-ciri pembelajaran tambahan kerana ia menyediakan pelbagai persekitaran pembelajaran di mana-mana tempat, pada bila-bila masa untuk mana-mana tempoh yang diminati. Di samping itu, BL mengadakan pembelajaran dan perbincangan secara bersemuka, interaksi dalam talian dan berpeluang mengulangkaji kandungan bahan pembelajaran mengikut kesesuaian pelajar (Lewin et al. 2009). Ini menunjukkan strategi BL memanfaatkan semua kemudahan, kemahiran dan peranan oleh pelbagai pihak bagi memastikan keberkesanan pembelajaran.

Menurut Ab. Halim (2014), hasil pembelajaran yang paling utama yang ingin dicapai dalam pelaksanaan kursus Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi ialah pelajar-pelajar dapat menguasai dan menghayati ilmu yang dipelajari oleh mereka. Justeru, kurikulum yang lengkap perlu disokong dengan kaedah pengajaran yang sempurna untuk memantapkan lagi proses P&P seterusnya. Oleh itu BL yang merupakan salah satu model pembelajaran pada masa kini yang menggabungkan pelbagai pendekatan, serta memiliki ciri-ciri pembelajaran yang fleksibel difikirkan amat bersesuaian dengan situasi pembelajaran semasa. Kaedah kuliah, kaedah bercerita, kaedah perbincangan, kaedah pembentangan dan kaedah-kaedah lain yang dilakukan secara terasing di dalam kelas tidak dapat melengkapkan kitaran pembangunan insan pensyarah berteraskan konsep 5M - mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan mu'allim. Menerusi pelaksanaan strategi BL, konsep 5M dapat dipraktikkan kerana konsep gabungan kaedah-kaedah terbaik P & P dilaksanakan tanpa had sempadan masa dan tempat (Ghazali 2012) yang dapat memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka ilmu pengetahuan, menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan. Ini secara tidak langsung berupaya memantapkan tahap profesionalisme pensyarah di dalam proses P & P (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2012). Berikut merupakan kelebihan strategi BL dalam pembelajaran yang boleh dimanfaatkan oleh pensyarah.

a. Memenuhi keperluan perbezaan individu dalam pembelajaran

Pelajar mempunyai perbezaan latar belakang yang secara tidak langsung mempengaruhi aspek kognitif dan afektif. Aspek berkenaan kadangkala menyebabkan kesukaran untuk menghasilkan formula pengajaran yang dipersetujui oleh setiap individu untuk digunakan semasa merancang instruksi. Terdapat pelajar yang belajar menerusi pendekatan permukaan (*surface learners*) iaitu pelajar hanya menghafal kandungan bahan pembelajaran kursus secara sementara untuk dipindahkan di dalam jawapan semasa peperiksaan, sementara itu, terdapat pelajar yang belajar menerusi pendekatan yang mendalam (*deep learners*). Pelajar jenis ini berusaha menguasai bahan pembelajaran kursus dan menghubungkannya dengan pengetahuan sedia ada. Menerusi kajian secara konsisten, pendekatan mendalam dalam pembelajaran memperoleh hasil pembelajaran yang lebih tinggi kualitinya berbanding pembelajaran permukaan (Yilmaz & Orhan 2010).

Walaupun begitu, dalam pengajaran pensyarah kurang memberi perhatian terhadap kesesuaian strategi pengajaran dan ciri pelajar di dalam kelas. Pensyarah lebih menitikberatkan pepadanan strategi pengajaran dengan objektif pengajaran bagi memastikan hasil pembelajaran tercapai.

Faktor kepelbagaian ciri pelajar sering di anggap sebagai perkara biasa yang wujud dalam sesebuah kelas dan kurang mendapat tempat dalam perancangan pengajaran. Hakikatnya pengajaran pensyarah perlu disampaikan dengan kaedah pelbagai memandangkan gaya seorang pelajar belajar adalah berbeza dengan gaya belajar seorang pelajar yang lain. Pensyarah perlu mengaplikasikan gaya pengajaran berbeza kerana mengambilkira gaya pembelajaran pelajar yang berbeza yang disebabkan sifat perbezaan antara individu dan nilai keunikan yang ada dalam diri pelajar. Kaedah pengajaran yang dapat mengambil kira perbezaan gaya pembelajaran pelajar di dalam kelas dapat memberi kegembiraan dan motivasi kepada pelajar dan langsung mempengaruhi proses pembelajaran masing-masing (Tg Sarina Aini & Yusmini 2007).

Persekitaran BL menawarkan pelbagai persekitaran pembelajaran kepada pelajar yang mempunyai perbezaan antara individu dalam pendekatan pembelajaran. BL menawarkan faedah daripada kedua-dua pendekatan seperti boleh menggunakan bahan di mana-mana tempat, pada bila-bila masa untuk tempoh yang diminati. Begitu juga BL boleh memanfaatkan pertemuan bersemuka dengan mengadakan perbincangan di dalam kuliah, interaksi secara langsung antara pelajar dan guru, membenarkan guru melihat dan menganalisis perbezaan individu (Yilmaz & Orhan 2010). Pelajar juga berpeluang untuk mengulang-kaji menerusi kandungan bahan pembelajaran dalam talian mengikut kesesuaian gaya pembelajaran masing-masing (Lewin et al. 2009).

Pembelajaran yang menggabungkan dua pendekatan pedagogi dalam satu masa secara tidak langsung dapat memberi kepuasan kepada kedua-dua pihak sama ada pelajar mahupun pensyarah. Ini adalah kerana pelajar mempunyai kepelbagaian gaya pembelajaran (Mok 2011; Munir 2001) dan begitu juga dengan pensyarah mempunyai pelbagai pendekatan pengajaran. Secara tidak langsung, strategi BL yang bersifat fleksibel berpeluang meraikan minat dan memberi pelbagai faedah kepada pensyarah dan pelajar agar P&P dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan (Smith 2001). Perbezaan pendekatan dapat memberi kesesuaian (*accommodate*) perbezaan gaya belajar antara setiap individu. Dengan cara ini pelajar mempunyai peluang untuk belajar cara sendiri (*self-paced*) (Chesterman 2002).

b. Keberkesanan terhadap proses pembelajaran dan penjimatan kos

BL menggunakan seni ICT untuk memperkayakan proses pemindahan ilmu, peneguhan dan penilaian (Petryk Babiarz et al. 2003). BL dapat membantu melengkapkan masa pengajaran pensyarah yang tidak cukup, menjimatkan kos perbelanjaan institusi pengajian tinggi dan kecekapan pengurusan (Sun & Sun 2012). Malahan, BL ialah pembelajaran yang menggabungkan media penyampaian (*delivery media-instructional modalities*) seperti teks, video, audio, grafik (Singh & Reed 2001), pembelajaran yang menggabungkan metode instruksi (Driscoll 2002; Rossett 2002) dan pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian (Rooney 2003). Ia menekankan peranan perantara teknologi berasaskan komputer di dalam BL. BL ialah pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dan instruksi secara bersemuka (Young 2002), pembelajaran yang menggabungkan modaliti instruksi dan media penyampaian (Singh & Reed 2001), dan pembelajaran yang menggabungkan metode instruksi (Driscoll 2002; Picciano et al. 2014; Rossett 2002). Antara kelebihan BL dan faedah memilih BL di dalam pembelajaran ialah dapat menyokong pembelajaran bersemuka, pembelajaran kolaboratif, komunikasi menerusi rangkaian sosial, menambah peluang mengakses bahan pembelajaran, mencipta suasana pembelajaran yang menarik, mencipta persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar, mencipta kemahiran penyelesaian masalah dan mencipta persekitaran pembelajaran yang bermotivasi (Ling & Magdaline 2015).

Justeru, BL boleh memperbaiki pedagogi (Graham et al. 2003), menambah akses dan fleksibiliti (Bonk et al. 2002) dan meningkatkan keberkesanan kos (Howard 2005). BL ialah

gabungan jenis pembelajaran seperti pembelajaran dalam talian, perbincangan dalam talian, tutorial dalam talian dan kuliah secara bersemuka (Emmanuel 2012). Justeru, era transisi zaman ke arah pembangunan teknologi dan kepesatan alatan elektronik member kesan di dalam bidang pendidikan lantaran pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dipilih sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan termasuklah Kursus TITAS.

c. Meningkatkan kadar fleksibel dan akses

Pembelajaran yang fleksibel dan selesa merupakan salah satu aspek penting yang membantu untuk mendapat pendidikan tambahan. Kebanyakan pelajar ingin selesa dalam pembelajaran masing-masing dengan tidak mengorbankan interaksi sosial dan sentuhan kemanusiaan yang diperolehi di dalam kuliah pengajaran secara bersemuka. BL dapat menyediakan keseimbangan antara pembelajaran yang fleksibel dan dalam masa yang sama juga mengekalkan pengalaman berinteraksi antara satu sama lain secara interaktif di dalam kuliah. Sebagai contoh, pengalaman model Universiti Phoenix yang mengadakan perjumpaan bersemuka dan sesi pembentangan pada peringkat permulaan kelas, kemudian diakhiri kuliah dengan pengalaman pembelajaran dalam talian (Graham 2004). Kekurangan fleksibel masa dalam pembelajaran bersemuka tradisional boleh dilengkapi dengan asinkroni yakni maklumat dikongsikan antara pelajar-pelajar dan fasilitator tanpa kekangan masa dan tempat (MacDonald & McAteer 2003). Manakala, pembelajaran dalam talian sahaja terdapat limitasi dalam interaksi (Osguthorpe & Graham, 2003). Ia membuatkan pelajar-pelajar tidak bermotivasi sekiranya pembelajaran berlaku dalam talian sahaja kerana rasa terpencil daripada yang lain (Islam 2002).

d. Kepelbagaian pendekatan pedagogi dan memperbaiki pedagogi

Kaedah pengajaran dan amalan pembelajaran di pusat pengajian tinggi semasa ini masih menggunakan strategi transmissive dan kurang mengamalkan strategi interaktif (Rohana et al 2015). Dalam pusat pengajian tinggi, sejumlah 83 peratus daripada kalangan instruktur menggunakan strategi kuliah sebagai mendominasi daripada strategi yang lain. Adapun, pendekatan BL dapat menambah tahap pembelajaran aktif yang mana strategi pembelajaran keserakanan dan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar digunakan. Antara strategi yang dilakukan ialah umpamanya menggunakan modul dalam talian untuk membantu pelajar memperoleh kemahiran tentang alat dan maklumat teknikal, perjumpaan bersemuka untuk aktiviti praktikal, kajian kes dan menggilap kemahiran membuat keputusan (Graham 2004). Strategi BL membantu mengintegrasikan pengalaman sebenar ketika berada di dalam kelas tradisional dengan pembelajaran di lapangan atau tempat kerja yang tidak formal.

Pelaksanaan Strategi Blended Learning di Institusi Pengajian Tinggi, Malasia

Kajian berkaitan dengan BL mula berkembang pada pertengahan abad ke-20 apabila pendekatan pembelajaran elektronik atau pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan kurang mendapat sambutan sepenuhnya oleh pelbagai pihak termasuk pelajar. Oleh itu, muncul aliran model pembelajaran baru yang meraihan corak pembelajaran secara bersemuka dan menggabungkan dengan pembelajaran dalam talian. Kajian berkaitan dengan BL dalam Pendidikan Islam jarang dibincangkan. Begitu juga bagi Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang berkaitan dengan BL dibincangkan untuk kursus-kursus tertentu dalam bidang Islam di luar negara (Alebaikan 2010; Al-Qahtani 2010; Al-Qahtani & Higgins 2013) walaupun jumlahnya masih kecil. Namun begitu, kajian berkaitan BL secara umum atau melibatkan kursus-kursus lain di universiti semakin bertambah di Malaysia.

Antara kajian yang dilaksanakan berasaskan pendekatan BL dalam pembelajaran kursus-kursus di IPT ialah kajian Sumarni dan Raihan (2012) mengenai P&P secara *blended* bagi kursus Bahasa

Inggeris (EAP) di UiTM Melaka. Kajian yang dilakukan menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk penerokaan dan eksperimen dipilih bagi memperoleh dapatan. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai pandangan positif terhadap BL dan terlibat secara aktif dalam i-discussion. BL juga mengandungi metode pelbagai dan penggunaannya bersesuaian untuk kursus Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun oleh sebab sokongan teknikal dan sistem pengurusan pembelajaran kurang berkesan, tidak terdapat hubungan signifikan antara pencapaian pelajar yang terlibat dan tidak terlibat dengan BL.

Kajian yang hampir sama oleh Lee et al. (2013) mengenai pengalaman pembelajaran guru bahasa Inggeris (TESL) yang mengikuti program pensiswazahan guru (PPG) berasaskan pendekatan BL. Secara keseluruhan guru-guru mempunyai persepsi positif terhadap kursus yang dijalankan secara BL. BL membantu perkembangan peribadi dan kematangan akademik kerana BL menggalakkan pelajar berdikari, berusaha melakukan latihan sendiri, belajar membuat keputusan dan mengurus masa dengan lebih baik. Namun begitu, dalam keadaan tertentu, sebahagian daripadanya dilihat tertekan dan tegang. Puncanya ialah kerana terdapat guru-guru yang kurang bersedia dan mempunyai sikap negatif terhadap komponen kursus, bahan pembelajaran, aktiviti kolaborasi, agihan tugas dan peranan pensyarah.

Oleh itu, kajian Christy et al. (2015) menilai hubungan antara persepsi pelajar terhadap BL dan pencapaian mereka dalam kursus. Persepsi pelajar dinilai berdasarkan empat faktor iaitu kemudahan, penglibatan, kepuasan dan hasil pembelajaran. Kajian menunjukkan pelajar mempunyai persepsi positif terhadap kemudahan yang diperoleh menerusi BL. Manakala, dari sudut penglibatan dan hasil pembelajaran, pelajar yang mempunyai pencapaian tinggi mempunyai persepsi lebih positif berbanding pelajar yang lemah. Justeru, pelajar melahirkan kepuasan dengan kursus secara *blended* dan bentuk pembelajaran yang menjadi keutamaan pelajar juga ialah *blended*.

Dalam pada itu, Leila dan Tunku Badariah (2013) pula membuat kajian berkaitan kepuasan guru pelatih di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terhadap program pendidikan secara *Blended*. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai persepsi dan kepuasan tahap tinggi terhadap program yang ditawarkan secara mod *blended*. Terdapat korelasi positif dan sederhana positif antara persepsi pembelajaran dan kepuasan pembelajaran secara *blended*. Manakala, dapatan Manova satu hala menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara ketiga-tiga kursus yang di tawarkan di dalam program pendidikan terhadap pembelajaran dan kepuasan pembelajaran. Sementara itu, sedikit berbeza yang mana kajian Norfadilah et al. (2013) mengenal pasti faktor kritikal yang mempengaruhi kepuasan pelajar dalam BL. Kajian menemukan lima faktor utama iaitu kualiti perkhidmatan, sistem kualiti, niat untuk menggunakan, kualiti informasi, dan kepuasan adalah merupakan komponen penting sekiranya ingin melaksanakan persekitaran P&P secara *Blended*. Dalam pada itu Johan et al. (2015), melanjutkan kajian kepuasan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dengan menilai sama kehendak dan tekanan yang dihadapi oleh pelajar. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempamerkan tanda yang positif dengan menunjukkan kepuasan dan kehendak pada tahap yang tinggi dan tekanan pada tahap rendah untuk mempelajari kursus Bahasa Inggeris secara *blended*.

Seterusnya, kajian Muhamad Azhar et al. (2014) yang melibatkan pelajar kolej vokasional menerusi pembelajaran *Blended*. Modul '*voc-learning*' digunakan dalam pembelajaran. Ia merupakan siri gabungan kerja berkumpulan secara bersemuka, kuliah pendek, aplikasi web, perbincangan dalam talian secara reflektif menggunakan teknologi web 2.0. Modul berfungsi bagi meningkat kemahiran dan sebagai alat motivasi dalam pembelajaran di kolej vokasional.

Penggunaan modul ‘*voc-learning*’ dilihat dapat memperbaiki kehadiran pelajar ke kelas dan penglibatan pelajar vokasional dalam pembelajaran. Begitu juga kajian Mohd Fadzli et al. (2014) menubuhkan pasukan kumpulan kecil untuk melaksanakan tugas berasaskan BL. Setelah mengaplikasi pendekatan BL, dapat dilihat setiap kumpulan bekerja sebagai satu pasukan sama ada dalam talian mahupun secara bersemuka untuk melengkapkan tugas yang diberi.

Antara kajian lain yang turut menggunakan pendekatan BL ialah, kajian Azleen Shabrina dan Nor Aziah (2015) yang bertajuk ‘*Blended learning web tool usage among accounting students: A Malaysian perspective*’. Pelajar menggunakan web blended learning yang dipanggil *blendspace*. Pelajar dilihat mempunyai kekerapan penggunaan *blendspace* secara konsisten terutama pada minggu 8 hingga minggu peperiksaan kerana dipengaruhi oleh penilaian dan kebiasaan menggunakannya. Faktor penyumbang penggunaan *blendspace* ialah mudah digunakan, menarik dan videonya berfaedah. Pelajar dilihat lebih suka menggunakan *blendspace* berbanding sistem pengurusan pembelajaran sebelum ini.

Seterusnya, terdapat pula kajian yang membincangkan tentang keberkesanan kursus yang dilaksanakan menggunakan pendekatan BL. Di antaranya ialah kajian oleh Hamidreza (2012) bagi Kursus Kalkulus untuk mengenal pasti keberkesanan BL menyokong dan mengembangkan kuasa pemikiran bagi membina pengetahuan, menyelesaikan masalah dan mengurangkan kesukaran Matematik. Hasil kajian mendapati penggunaan BL membantu pembinaan pengetahuan dan penyelesaian masalah menjadi bertambah baik dalam Matematik. Di samping itu juga, pelajar dapat mengatasi kesukaran dalam pembelajaran kalkulus. Kajian keberkesanan BL turut dilaksanakan oleh Cho dan Seng (2014) bagi Fakulti Perniagaan di Universiti Taylor. Set strategi pembelajaran yang diaplikasi dalam fakulti ini terdiri daripada peristiwa hidup, kandungan dalam talian, kolaborasi, bahan rujukan dan penilaian. Hasil kajian mendapati perkakas BL dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan hasil pembelajaran. Berikutnya, kaedah yang sama juga diaplikasi oleh Alia et al. (2015) bagi pelajar ijazah Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Negeri Sembilan. Hasil daripada kajian menunjukkan aktiviti pembelajaran menerusi kaedah BL adalah lebih menarik dan membantu pelajar lebih memahami subjek yang diajar.

Kajian-kajian mengenai BL di Malaysia lebih banyak menyentuh tentang persepsi pelajar atau pensyarah terhadap BL, pelaksanaan pembelajaran berasaskan BL, keberkesanan kursus dilaksanakan secara blended dan tajuk-tajuk yang berbentuk umum. Berpandukan kepada sorotan kajian-kajian lepas dapat dikenalpasti kajian berkaitan pelaksanaan BL terus berkembang dan mendapat sambutan di kalangan pensyarah dan pelajar di pelbagai institusi pengajian tinggi. Jika disoroti skop-skop perbincangan dalam kajian terdahulu khususnya dalam negara lebih-lebih lagi di luar negara, dapatan kajian dibincangkan dari pelbagai sudut meliputi sama kajian berkaitan pembangunan dan penilaian bahan pembelajaran. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang mengenalpasti keberkesanan strategi dan implementasi BL dalam P&P, kajian pembangunan model dan kerangka pelaksanaan BL serta pelbagai lagi tentang pengujian model BL. Namun demikian, kajian-kajian yang dikemukakan adalah dalam bidang yang berkaitan dengan kursus-kursus lain di IPT. Manakala kajian-kajian yang menghubungkan Kursus TITAS dengan pelaksanaan berasaskan strategi BL, secara empirikalnya masih belum diselidiki dan diteroka dengan meluas.

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan pembangunan atau penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (*design and developmental research*) (Richey & Klein 2007; Norlidah et al. 2013). Penyelidikan reka bentuk dan pembangunan menggabungkan reka bentuk pragmatik dan tradisional seperti kajian kes, penilaian, semakan pakar (*expert reviews*) dan temu bual dengan mengaplikasikan pelbagai metod yang pada kebiasaannya berbentuk kualitatif atau gabungan kualitatif dan kuantitatif (Noraziah & Sulaiman 2012; Richey dan Klien 2014). Rasional gabungan kedua-dua pendekatan ialah untuk membolehkan penyelidik mengkaji dengan lebih tepat dan luas melalui persepsi metodologi yang berbeza, penggunaan pelbagai pengukuran, menyediakan gambaran yang menyeluruh terhadap situasi yang dikaji (Creswell 2012). Kajian penghasilan produk dan bahan pembelajaran kajian ini dibangunkan berdasarkan reka bentuk pembangunan Jenis 1 seperti yang dibincangkan oleh Richey dan Klein (2014). Dalam fasa penilaian formatif, reka bentuk kajian kes holistik (Yin 2009) digunakan untuk mendapat maklum balas tentang kebolegunaan kandungan pembelajaran digital yang telah dibangunkan menyumbang motivasi dalam pembelajaran Kursus TITAS.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini melibatkan seramai 123 orang pelajar daripada UiTM sahaja. Kajian ini tidak melibatkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain kerana nature kursus yang ditawarkan di setiap universiti adalah sedikit berbeza walaupun kandungan kursusnya adalah sama (Faridah & Fakhroladabi, 2012). Sebanyak empat buah kampus yang terlibat untuk menguji kebolegunaan kandungan pembelajaran digital yang telah dibangunkan menyumbang motivasi dalam pembelajaran Kursus TITAS. Pemilihan kampus yang terlibat adalah secara pensampelan bertujuan di mana hanya kampus yang mempunyai kesesuaian untuk melaksanakan pengajaran dan mendapat persetujuan pensyarah serta pelajar sahaja yang akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berbantu kandungan pembelajaran digital tersebut. Kandungan pembelajaran digital dinilai menerusi soal selidik menggunakan teknik retrospeksi iaitu penilaian dilaksanakan selepas bahan digunakan oleh pensyarah dan pelajar. Dapatan berkenaan disahkan pula secara triangulasi oleh dapatan kualitatif bagi memastikan data yang diperolehi mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan itu temu bual kumpulan berfokus yang melibatkan sebanyak empat kumpulan pelajar dijalankan bagi mendapat penjelasan terperinci tentang pelaksanaan kandungan pembelajaran digital.

Pembangunan Kandungan Pembelajaran Digital

Dalam membangunkan kandungan pembelajaran digital ini, model reka bentuk instruksi ADDIE yang mengandungi peringkat analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan serta penilaian digunakan sebagai metodologi pembangunan. Pembangunan ini melibatkan tiga peringkat: (i) analisis kajian keperluan untuk reka bentuk kandungan pembelajaran digital, (ii) prinsip reka bentuk kandungan pembelajaran digital, dan (iii) aspek pembangunan kandungan pembelajaran digital. Bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan, model pembangunan multimedia Alessi & Trollip 2001 yang mengandungi empat fasa instruksi: (a) Mempamer informasi, (b) Membimbing pelajar, (c) Melatih kemahiran, dan (d) Penilaian Pembelajaran dijadikan sandaran dalam pembangunan kandungan pembelajaran digital. Oleh kerana kandungan pembelajaran digital adalah berasaskan strategi *Blended Learning*, empat fasa instruksi tersebut telah disepadukan dengan elemen *Blended Learning* yang digariskan oleh J.M Carman (2005) iaitu (i) Peristiwa hidup, (ii) Pembelajaran sendiri, (iii) Aktiviti kolaborasi, (iv) Penilaian untuk menguji dan

memperbaiki pengetahuan, dan (v) Bahan sokongan pembelajaran. Kandungan pembelajaran digital juga dibangunkan dengan memasukkan unsur motivasi bagi memastikan pengguna sentiasa memberi perhatian dalam mengguna kandungan pembelajaran digital tersebut. Model motivasi yang diutarakan oleh Keller (2010) yang dikenali sebagai model ARCS iaitu A-Perhatian, R-Relevan, C-Keyakinan dan D-Kepuasan diintegrasikan ke dalam kandungan pembelajaran digital. Sementara itu teori pembelajaran konstruktivisme dipilih dalam pembangunan kandungan pembelajaran digital di mana pelajar dilibatkan secara aktif di dalam pembelajaran untuk membina pengetahuan atau konsep baru berasaskan pengalaman yang dialami di dalam persekitaran pembelajaran multimedia berasaskan strategi *Blended Learning*. Kandungan pembelajaran digital yang dibangunkan disampaikan berasas strategi *Blended Learning* dalam empat bentuk: strategi *Blended Learning* dalam bentuk peranan, strategi *Blended Learning* dalam bentuk penyampaian, strategi *Blended Learning* dalam bentuk metod instruksi, strategi *Blended Learning* dalam bentuk media. Oleh itu untuk memandu pembelajaran, menu dalam kandungan pembelajaran digital direka dan dibangunkan dengan mengintegrasikan elemen-elemen yang dinyatakan dan dipaparkan mengikut kesesuaian pelaksanaan instruksi Kursus TITAS berasaskan strategi *Blended Learning*. Menu pembelajaran dalam kandungan pembelajaran digital terdiri daripada submenu berikut: (a) Menu Panduan, (b) Menu Nota Pembelajaran, (c) Menu Aktiviti, (d) Menu Forum, (e) Menu Pautan Lain, dan (f) Menu Penilaian.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan kebolehbantuan modul e-CITAC untuk memberi motivasi kepada pelajar dalam mempelajari Kursus TITAS dari aspek perhatian. Dapatan analisis menunjukkan dua item berada pada tahap tinggi iaitu ‘tertarik dengan kepelbagaian bahan’ (min = 4.20) dan ‘tertarik dengan gaya persembahan modul (min = 4.00). Manakala dua item yang berikutnya ‘tertarik untuk mengguna’ (min = 3.88) dan ‘tertarik dengan susun atur aktiviti’ (min = 3.82) berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan pelajar mempunyai tahap tinggi dan tahap sederhana tinggi terhadap kebolehbantuan modul untuk memberi motivasi dalam pembelajaran Kursus TITAS dari aspek perhatian.

Jadual 1: Kebolehbantuan modul e-CITAC dari aspek perhatian untuk belajar Kursus TITAS

Bil	Item	Min	SP
1	Saya tertarik dengan gaya persembahan modul e-CITAC	4.00	0.80
2	Kepelbagaian bahan dalam modul e-CITAC menarik perhatian saya	4.20	0.77
3	Saya tertarik dengan susun atur aktiviti dalam modul e-CITAC	3.82	0.75
4	Saya tertarik untuk mengguna modul e-CITAC	3.88	0.83
Keseluruhan		3.97	

Data kajian kuantitatif ini diperkayakan dengan data kualitatif di mana temu bual secara berfokus dengan pelajar, hampir semua pelajar bagi setiap kumpulan mengakui e-CITAC dapat memberi tarikan dan perhatian kepada pelajar untuk mempelajari Kursus TITAS. Antara pandangan informan ialah “Video tu macam menarik untuk membaca, difahami semua” (K3R3: K.B.L1,188:188). Selain itu informan berpandangan, “video dia menarik sebab ada yang kita tak tahu dalam kelas, dapat kita tahu la di atas talian” (K1P2:K.M1).

Informan lain menjelaskan lagi dengan menyatakan bahawa, “Apabila ada video sahaja student akan hooo dia orang memang sangat tertarik, so bagi saya, video e-CITAC sangat saya suka tengok video ni out of the box sangat menarik sebab dia punya 3D video tu okay

la.” (K4R4: K.B.L1,19:19). Pandangan informan K4R4 tersebut di sokong oleh informan lain yang menyatakan bahawa;

“Pada awalnya TITAS ni saya melihat satu subjek yang agak membosankan sebab ye la sejarah kan, sebab saya baca-baca saya kurang sikit saya tengok TITAS ni banyak tamadun-tamadun dan tamadun besar-besar kan jadi macam satu masalah dengan saya la tapi bila dah diperkenalkan dengan e-CITAC saya tengok dia punya video-video yang menarik dengan nota-nota yang dipermudahkan di ringkaskan jadi TITAS ni sebenarnya boleh menjadi suatu subjek yang menyeronokkan la jadi benda tu dapat menarik minat la saya la.”(K4R5: K.B.L1,123:123).

Seterusnya informan K2P4 menyatakan bahawa, selain video, audio turut memainkan peranan dalam memberi tarikan dan perhatian kepada pelajar terhadap e-CITAC iaitu;

“Walaupun kadang-kadang video ada gambar tapi lagu tak ada sound tak ada kita pun boring juga kan. Jadi bila ada lagu yang menarik yang melambangkan satu tamadun, contohnya Tamadun India itu menjadi satu tarikan lah untuk kita menghabiskan video tu.”(K2P4:K.M1).

Bagi informan K1R4, dengan kewujudan e-CITAC, pelajar berpeluang mendapat gambaran tentang isu yang dibincangkan di dalam silibus. Ia secara tidak langsung membantu pelajar agar dapat memberi perhatian semasa mempelajari Kursus TITAS. Hal ini sebagaimana pandangan informan seperti berikut:

“Perasaan saya suka la sebab kalau dalam buku ni nota kalau macam Taj Mahal apa semua kan tapi bila kita dapat tengok dalam e-CITAC ni ooo macam ni Taj Mahal. Kalau kita nak google pun macam satu hal la pula kan, lepas tu bila ada e-CITAC ni kita boleh tengok terus benda tu secara visual.”(K1R4: K.M1,253:253).

“e-CITAC ini dah kira bagus la kalau sebelum ni kalau kursus CTU ni cuma belajar dalam kelas, presentation macam tu, buat kertas kerja. Kira macam kurang menarik sikit la macam tu kalau dalam e-CITAC ada pelbagai variasi” (K1R4:K.M1, 127:127).

“subjek TITAS ni sejarah..saya rasa mungkin 90 % pelajar tak suka sejarah.. jadi dengan muzik, dgn adanya imaginasi imej-imej yang membolehkan pelajar berimaginasi lebih mudah suatu pembelajaran itu disampaikan.” (K4P4:K.M1)

Jadual 2 menunjukkan kebolehbantuan modul e-CITAC untuk memberi motivasi kepada pelajar dalam mempelajari Kursus TITAS dari aspek relevan. Analisis dapatan pelajar menunjukkan hampir semua item berada pada tahap tinggi iaitu ‘hasil pembelajaran membantu memperoleh pengetahuan’ (min = 4.24), ‘mengait pengetahuan sedia ada dengan kandungan pembelajaran’ (min = 4.19) dan ‘relevan dengan keperluan sebagai pelajar’ (min = 4.06). Hanya satu item sahaja ‘strategi pembelajaran relevan’ (min = 3.80) memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa hampir secara keseluruhan pelajar bersetuju tahap tinggi terhadap kebolehbantuan modul e-CITAC untuk memberi motivasi dalam pembelajaran Kursus TITAS dari aspek relevan.

Jadual 2: Kebolehbantuan modul e-CITAC dari aspek relevan untuk belajar Kursus TITAS

Bil	Item	Min	SP
1	Modul e-CITAC relevan dengan keperluan saya sebagai pelajar	4.06	0.69
2	Saya dapat mengait pengetahuan sedia ada dengan kandungan pembelajaran dalam modul e-CITAC	4.19	0.66
3	Hasil pembelajaran dalam modul e-CITAC membantu saya memperoleh pengetahuan dengan jelas	4.24	0.63
4	Strategi pembelajaran modul e-CITAC relevan dengan minat saya	3.80	0.74
	Keseluruhan	4.07	

Hasil kajian kuantitatif ini diperkayakan dengan data kualitatif iaitu melalui temu bual kumpulan berfokus yang dijalankan ke atas pelajar yang mengambil Kursus TITAS di mana apa yang dapat dilihat pelajar berpandangan modul e-CITAC adalah relevan dengan keperluan dan minat mereka sebagai generasi Y.

“bagi saya pendapat saya macam apa yang dah di buat dalam e-CITAC ni dia sangat menepati la dengan generasi Y ini sebab dia adanya video, adanya menggunakan online jadi memang lumrah la kepada kami ni masyarakat gen Y ni.” (K4P1:K.M2)

“kewujudan e-CITAC tu pertama, sangat membantu. Remaja sekarang dia lebih kepada internet, dia lebih suka tengok video-video, tengok benda-benda yang melibatkan internet ni daripada baca buku selak balik baca hitam putih jadi kita lagi suka tengok animasi, tengok benda-benda yang boleh ransang minda kita daripada tengok buku yang mengantuk, sebenarnya tolong jugak lah utk kita lagi faham daripada pelajaran dalam kelas tu.” (K3P1:K.M2)

Jadual 3 menunjukkan kebolehbantuan modul e-CITAC untuk memberi motivasi kepada pelajar dalam mempelajari Kursus TITAS dari aspek keyakinan. Dalam dimensi ini, pelajar-pelajar hampir keseluruhan berpandangan modul e-CITAC secara sederhana tinggi dapat membantu pelajar berkeyakinan untuk belajar Kursus TITAS dengan nilai min keseluruhan (min = 3.91). Item-item seperti ‘aktiviti modul meningkatkan keyakinan saya’ (min = 3.96), ‘kriteria penilaian memberi keyakinan’ (min = 3.86) dan ‘modul disusun daripada mudah kepada sukar memberi keyakinan’ (min = 3.80) mempamerkan persetujuan pelajar pada tahap sederhana tinggi. Hanya item ‘maklumat skrin hadapan modul membantu memilih kandungan pembelajaran dengan mudah (min = 4.02) berada pada tahap tinggi. Dengan itu pelajar mendapati modul e-CITAC dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari Kursus TITAS dengan berkeyakinan adalah pada tahap sederhana tinggi dan tinggi.

Jadual 3: Kebolehbantuan modul e-CITAC dari aspek keyakinan untuk belajar Kursus TITAS

Bil	Item	Min	SP
1	Maklumat yang ada pada skrin hadapan modul e-CITAC membantu saya memilih kandungan pembelajaran dengan mudah	4.02	0.78
2	Kriteria penilaian modul e-CITAC memberi keyakinan untuk saya belajar	3.86	0.69
3	Modul e-CITAC disusun daripada mudah kepada sukar dapat menambah keyakinan saya untuk belajar	3.80	0.78
4	Aktiviti modul e-CITAC meningkatkan keyakinan saya untuk belajar Kursus TITAS	3.96	0.70
	Keseluruhan	3.91	

Dapatan kajian di dalam Jadual 3 di atas dapat diperkukuhkan menerusi hasil temu bual kumpulan berfokus yang dijalankan ke atas pelajar yang mengambil Kursus TITAS seperti keterangan salah seorang informan seperti berikut:

Bila ada Blended Learning kita ada kuiz secara online jadi mungkin benda tu lebih membantu lebih interaktif untuk kita buat latihan. Mungkin kadangkala latihan yang diberi oleh lecturer dia tak bagi jawapan. Tapi kuiz dalam modul ni kita ada kuiz review jadi dia akan bagi kita jawapan supaya kita lebih faham. (K4P4:K.M3).

Informan yang lain juga turut mengakui penilaian menerusi kuiz yang diintegrasikan di dalam modul sedikit sebanyak membantu pelajar dalam pembelajaran Kursus TITAS seperti keterangan di bawah:

Lepas tu daripada kuiz pula kita test diri kita sendiri. lepas tu jawab kita dapat jawapan kan

jadi kita boleh check jawapan macam penambahbaikan lah sebab kita tahu yang mana kita salah, yang mana kita betul. (K2P5:K.M3)

Jadual 4: Kebolehbantuan modul e-CITAC dari aspek kepuasan untuk belajar Kursus TITAS

Bil	Item	Min	SP
1	Modul e-CITAC memberi peluang kepada saya meneroka pengetahuan dalam persekitaran dunia sebenar	4.08	0.71
2	Hasil aktiviti modul e-CITAC dapat meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran saya.	4.07	0.62
3	Modul e-CITAC mengandungi maklum balas positif yang membuatkan saya gembira untuk belajar	3.89	0.73
4	Aktiviti modul e-CITAC memberi kepuasan kepada saya kerana mengandungi elemen nilai di dalamnya	3.89	0.71
Keseluruhan		3.98	

Hasil temu bual kumpulan berfokus yang dijalankan ke atas pelajar yang mengambil Kursus TITAS dapat mengukuhkan dapatan kajian secara kuantitatif yang tertera di dalam Jadual 4 di atas. Menerusi temu bual, apa yang dapat dilihat pelajar berpandangan modul e-CITAC dapat memberi kepuasan kepada pelajar untuk mempelajari Kursus TITAS. Keterangan berkenanaan dapat dilihat menerusi maklum balas di dalam sesi temu bual yang dijalankan seperti di bawah:

perasaan saya suka la sebab kalau dalam buku ni nota kalau macam taj mahal apa semua kan tapi bila kita dapat tengok dalam e-CITAC ni ooo macam ni taj mahal. Tapi kalau contoh tak ada e-CITAC ni tapi kalau kita nak google pun macam satu hal la pula kan, (K1P2:K.M4).

Pelajar juga dilihat mempunyai kepuasan setelah menggunakan e-CITAC kerana pelajar didedahkan dengan projek yang melibatkan tugas di lapangan dan penghasilan video.

Pandangan saya terhadap Tinta Tamadun ni amat bermanfaat kepada saya sebab dia telah melahirkan suatu pengalaman yang barulah kiranya. Sebab tak pernah pun buat projek macam ni sebelum ni. Memang first pengalaman saya dapat tajuk Tamadun India. Selama ni saya baca buku pasal Tamadun India je saya tak nampak semua tu. tapi selepas buat projek video, pergi ke lapangan semua tu saya baru faham situasi orang India dahulu macam mana. (K2P1:K.M4).

Pelajar turut mempunyai kepuasan menggunakan e-CITAC kerana di dalamnya terkandung nilai-nilai yang boleh diteladani menerusi kisah-kisah yang dipaparkan di dalam video. Salah seorang daripada informan berpandangan seperti berikut:

dari sudut pandangan positif dan saya dapati ilmu bukan setakat hukum hakam, ilmu kita nak faham kita nak kenal kita sekarang kita kena kenal sejarah kita dahulu so saya fikir saya paling suka tamadun Sultan Muhamad Al-Fatih so saya agak sentap di situ di mana dia baginda umur 21 dah boleh tawan sedangkan kita 21 nak bangun subuh pun agak susah so itu pun saya dapat melihat TITAS ni dari sudut pandang yang berlainan jadi itu sangat membantu sebenarnya (K3P2:K.M2)

Selain itu, pelajar mempunyai kepuasan menggunakan e-CITAC apabila pelajar berpeluang mempelajari kemahiran baru menerusi projek yang dilaksanakan. Ini dapat dibuktikan berpandangan kepada maklumbalas salah seorang informan seperti di bawah:

blog tu kitaorang buat semua. Memang bagi saya orang yang tak pandai sangat IT ni mungkin benda tu mencabar tapi setelah ia siap ia akan membawa satu keseronokan dan kita rasa teruja. Kita rasa macam nak buat lagi benda tu. walaupun kita terpaksa tak tidur malam, lewat tidur dan sebagainya tapi benda tu menaikkan semangat kita untuk meneruskan lagi apa yang telah kita buat tu. (K2P4:K.M4)

Lebih menyeronokkan e-CITAC yang dilihat oleh pelajar pada peringkat permulaan adalah agak sukar telah berjaya mengubah persepsi pelajar terhadap kursus ini apabila pelajar meraskan aktiviti yang dimuatkan di dalam e-CITAC dapat menghilangkan tekanan kepada pelajar dalam pembelajaran. Maklumbalas informan adalah seperti berikut:

*Kita kan banyak benda kena buat assignmnet bukan assignment ni je kan. Bila kita pergi lapangan ni kita boleh hilangkan stress macam benda ni kita buat macam rela hati. Macam masalah kita, kita boleh tolok ketepi dulu. Macam benda ni pun benda yang seronok. Daripada kajian kita ni kita dapat tahu apa sebenarnya berlaku pada zaman dulu ke, ha macam tulah.
(K2P5:K.M4)*

Berpandukan hasil dapatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif di samping ringkasan keseluruhan dapatan kuantitatif seperti di dalam Jadual 5, secara keseluruhannya modul e-CITAC dapat membantu memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari Kursus TITAS. Nilai min keseluruhan setiap konstruk adalah pada tahap tinggi iaitu konstruk relevan (R) (min = 4.07), manakala konstruk kepuasan (S) (min = 3.98), konstruk perhatian (A) (min = 3.97) dan konstruk keyakinan (C) (min = 3.91) ketiga-tiganya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan menunjukkan tiada satu pun nilai min keseluruhan bagi setiap konstruk berada pada tahap sederhana rendah dan rendah. Ini menunjukkan modul ini dipersetujui oleh pelajar dapat membantu memberi motivasi dalam pembelajaran Kursus TITAS berasaskan strategi Blended Learning.

Jadual 5: Ringkasan Purata Keseluruhan Kebolehbantuan Modul e-CITAC dalam aspek motivasi

Bil	Item	Min
1	Perhatian (A)	3.97
2	Relevan (R)	4.07
3	Keyakinan (C)	3.91
4	Kepuasan (S)	3.98

PERBINCANGAN

Kebolehgunaan modul untuk memberi motivasi kepada pelajar yang mempelajari Kursus TITAS diperakui oleh pelajar-pelajar menerusi soal selidik dan sesi temu bual berfokus yang dijalankan. Aspek relevan merupakan tema yang paling utama dilihat sebagai elemen yang membantu menyumbang motivasi kepada pelajar yang merupakan kelompok generasi Y. Dapatan temu bual menunjukkan pelajar menganggap Kursus TITAS adalah sejarah dan hampir sama seperti subjek sejarah yang dipelajari di sekolah. Oleh kerana pembelajaran Kursus TITAS menggunakan buku yang bersifat hitam putih, dibantu dengan penceritaan daripada pensyarah menyebabkan pelajar sukar untuk membayangkan suasana dan tempat yang digambarkan. Oleh itu pelajar rasa bosan, lantas mendorong pelajar untuk menghafal kandungannya yang membuatkan pelajar belajar di dalam suasana yang tidak menyeronokkan. Multimedia menukar gaya pembacaan pelajar daripada menghadkan kepada persembahan linear seperti di dalam buku teks, sehingga menjadikan bacaan lebih dinamik dengan mengembangkan teks dalam sesuatu topik tertentu. Ia juga menjadikan teks lebih bermaya dengan integrasi bunyi, gambar, muzik, animasi dan video (Jamalludin & Zaidatun, 2003).

Ciri-ciri interaktif dalam suatu persembahan multimedia dapat menarik perhatian dan minat pengguna untuk terus menggunakannya dan maklumat yang disampaikan dapat berkekalan dalam ingatan manusia (Sidek 2001). Pembangunan kandungan pembelajaran digital dilihat mengaplikasi kepelbagaian bahan dan kaedah penyampaian, pelajar disajikan dengan nota yang mempunyai gambar dan warna-warni menarik serta dilengkapi video yang disertakan lagu dan pelbagai corak membuatkan pelajar lebih mudah untuk menggambarkan dan mengingat informasi

di dalamnya. Modul juga menepati cita rasa generasi Y kerana nota-nota disediakan secara ringkas dengan video yang menarik dan tidak ketinggalan modul ini dapat digunakan di atas talian yang boleh disesuaikan dengan waktu lapang pelajar. Kelas yang bersifat menarik dan menghiburkan merupakan salah satu punca mendorong pelajar pendidikan tinggi untuk terlibat dan memberi perhatian kepada subjek yang diajar (Ahmad Fkrudin 2017)

Selain itu pelajar juga berpandangan modul e-CITAC adalah menarik perhatian. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi pendidikan dan multimedia dapat menimbulkan keseronokan belajar kepada pelajar. Penggunaan deria lihat, dengar dan sentuh boleh membantu daya ingatan murid dan sekaligus dapat merentasi domain pembelajaran seperti kognitif, motor, psikomotor, afektif dan metakognisi (Norasiah et al. 2013).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kandungan pembelajaran digital (e-CITAC) dilihat mampu menyuburkan elemen motivasi kepada pelajar yang mempelajari Kursus TITAS. Walaupun Kursus TITAS adalah sebuah kursus yang sinonim di fikiran pelajar sebagai kursus yang sarat dengan fakta dan sejarah, namun persepsi tersebut dapat diubah dengan menyesuaikan strategi pembelajaran dan minat pelajar seiring dengan trend generasi pelajar pada abad milineum ini. Kandungan pembelajaran bagi setiap kursus sama ada bercorak digital atau bercetak hendaklah mengambil kira perhatian pelajar, relevan dengan usianya sebagai pelajar, mampu memberi keyakinan kepadanya dan dapat memberi kepuasan selepas menggunakannya. Justeru kandungan pembelajaran yang dihasilkan perlulah dapat menarik perhatian pelajar dengan menggabungkan pelbagai media, kepelbagaian cara penyampaian, fleksibel untuk digunakan, berbentuk realiti, memberi nilai kemahiran, mengandungi nilai pembelajaran, bersifat praktikal, berpeluang mengaitkan dengan realiti kehidupan serta selari dengan perkembangan teknologi semasa. Dalam menyediakan kandungan pembelajaran digital khususnya, pensyarah perlu terbuka kepada kepelbagaian bahan dan diberi pendedahan tentang kaedah penggunaan dan perisian teknologi terkini daripada masa ke masa agar pelajar yang menerima inputnya merasakan pembelajaran yang dilalui dapat memberi makna kepada mereka. Dengan itu segala kandungan pembelajaran perlu dibangunkan oleh mereka yang menguasai bidang kursus agar secara tidak langsung ia mempengaruhi elemen nilai yang dimasukkan dalam kandungan pembelajaran berkenaan. Lebih-lebih lagi Kursus TITAS yang bermatlamat memperkenalkan keagungan Islam dalam pelbagai tamadun dan pendedahan nilai-nilai tamadun, reka bentuk kandungan pembelajaran secara sistematik dapat memastikan objektif kursus tercapai.

RUJUKAN

- A'la Mawdudi, S.A. 2013. *Towards Understanding Islam*. Terj. Khurshid Ahmad. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Ab. Halim Tamuri. 2014. *5 mim: Peranan dan jati diri guru*. Kertas kerja Konvensyen Sekolah-Sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Peringkat Kebangsaan Kali ke-5. Anjuran Jabatan Agama Islam Selangor, KUIS & UNISEL, Hotel Carlton Holiday. Shah Alam, 20 November.
- Abdul Fattah Abu Guddah. 2011. *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Selangor: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Abdullah Bin Muhammad Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Ahmed Fkrudin Mohamed Yusoff. 2017. *Pembangunan perisian pengajaran dan pembelajaran multimedia interaktif pengurusan jenazah politeknik Malaysia*. Online Journal of Islamic Education (O-JIE). 2 (2): 1-25

- Alessi, S.M. & Trollip, S.R. 2001. *Multimedia for Learning Methods and Development*. London: Allyn and Bacon.
- al-Faruqi, I. 2011. *On the nature of Islamic Da'wah*. International Review of Mission 65(260): 391-409.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin. 2011. *Penilaian kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan kursus perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 3(1): 123-134.
- Alias Mat Saad. 2010. *Penilaian pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Baharuddin Aris, Manimegalai Subramaniam & Rio Sumarni Sharifuddin. 2001. *Modul Pengajaran-Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bersin, J. 2004. *The Blended Learning Book: Best Practices, Proven Methodologies, and Lessons Learned*. San Francisco, CA: Pfeiffer Publishing.
- Carman, J.M. 2005. *Blended learning design: Five key ingredients*. <http://www.agilantlearning.com/pdf/Blended%20Learning%20Designpdf> [22/12/2012].
- Chesterman, F. 2002. *Blended learning-is it really understood?* tMagazine, 26 June 2002.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Jil. 4. Boston: Pearson.
- Driscoll, M. 2002. *Blended Learning: Let's get beyond the hype*. http://www-07.ibm.com/services/pdf/blended_learning.pdf [20 Disember 2015].
- Faridah Che Hussin & Fakhroladabi Abdul Kadir. 2012. *Sumbangan pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) terhadap pembentukan hati budi mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia*. Jurnal al-Tamadun 7(1): 15-35.
- Fatimah H., Zuraini Z. & Khairiah Salwa H.M. 2007. *Elemen reka bentuk dan Kandungan Bahan Sebagai Faktor Kritikal Kejayaan E-Pembelajaran*.
- Siti Rahayah Ariffin & Norazah Nordin (pnyt.). *Pedagogi & Pembangunan E-Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi*. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, UKM.
- Fry, H., Ketteridge, S. & Marshal, S. 2009. *Understanding student learning*. Dlm. Fry, H., Ketteridge, S. & Marshall, S. (pnyt.). *A Handbook for teaching and learning in higher education*, hlm. 8-26. New York: Routledge Taylors & Francis Group.
- Ghazali Basri. 2012. *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep & Aplikasi*. Jil. 2. Brunei: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Graham, C.R. 2013. *Emerging practice and research in blended learning*. Dlm. M.J. Moore (pnyt.). *Handbook of Distance Education*, hlm. 333-350. New York: Ny Routledge.
- Ismie Roha Mohamed Jais. 2011. *Kajian perbandingan L.M.S di dalam program Pendidikan Jarak Jauh di UiTM dan OUM*. Tesis Dr. Fal. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hussin. 2010. *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Edisi ke-5. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kashif, M., De Run, E.C., Mohsin, A.R. & Ting, H. 2015. *Bringing Islamic tradition back to management development: A new Islamic Dawah based framework to foster workplace ethics*. Journal of Islamic Marketing 6(3): 388-405.
- Kaur, M. 2013. *Blended learning - Its challenges and future*. Procedia Social and Behavioural Sciences 93, hlm. 612-617.

- Keller, J.M. 2010. *Motivational Design for Learning and Performance: The ARCH Model Approach*. New York: Springer.
- Lewin, L.O., Singh, M., Bateman, B.L. & Glover, P.B. 2009. *Improving education in primary care: Development of an online curriculum using the blended learning model*. BMC Medical Education 9(33): 1-7.
- Muhammad al-Mahdi. 2004. *Understanding The Concept of Khalifah; Khalifah Series 1*. Ampang: The Khalifah Institute.
- Nor Aziah Alias dan Sulaiman Hashim. 2012. *Design and development research in instructional technology*. Dalam instructional technology research, design and development: Lessons from the field. Nor Aziah Alias & Sulaiman Hashim (pnyt). Hershey:IGI Global
- Norasiah Abdullah, Nor Risah Jamilah Mat Lazim & Rosnah Ahmad Zain. 2013. *Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Norhapizah Mohd Burhan & Ab. Halim Tamuri. 2013. *Persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran pensyarah dalam Pendidikan Islam: Pendekatan Blended Learning (BL) sebagai suatu alternatif*. Kertas kerja International Conference on Islamic Education (ICIED). Anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), ESSET KWSP, 06-07 April 2013.
- Norhapizah Mohd Burhan, Ab. Halim Tamuri & Norazah Mohd Nordin. 2016. *Penerimaan Modul Pembelajaran Digital Berasaskan Strategi Blended Learning (e-CITAC) dalam Kursus TITAS*. O-JIE Online Journal of Islamic Education. 4 (1): 1-16.
- Norhayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie, Mohd Huzairi Awang@Husain, Hajarul Bahti Zakaria & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi: Satu sorotan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke-4, hlm. 322-333.
- Norlidah Alias, Saedah Siraj, Mohd Nazri Abdul Rahman & Dewitt, Darothy. 2013. *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Dlm. Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy Dewitt & Zaharah Hussin (pnyt.). Design and Developmental Research: Emergent Trends in Educational Research. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Onn, C.W. , Halimah, B.Z., Yeen, C.W. 2009. *Content creation and management automation system (CMAS) for e-learning*. Workshop on Advances in Intelligent Computing.
- Picciano, A.G., Dziuban, C.D. & Graham, C.R. 2014. *Blended Learning Research Perspectives*. Jil. 2. New York: Routledge.
- Richey, R.C. & Klein, J.D. 2007. *Design and Development Research*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Richey, R.C. & Klein, J.D. 2014. *Design and development research*. Dlm. Spector, J.M, M., Merrill, D., Elen, J. & Bishop, M.J. (pnyt.). Handbook of Research on Educational Communications and Technology. London: Springer
- Robson, R & McElroy, P. 2008. *Transforming to next generation digital learning content*. USA: Adobe System Incorporated
- Robson, R. 2013. *The changing nature of e-learning content*. Dalam R.H.Kinshuk & J.M. Spector (pnyt.), Reshaping learning: frontiers of learning technology in a global context. Berlin Heidelberg: Springer.
- Rohana Yusoff, Nur Hidayah Md Noh & Sarah Yusoff. 2015. *Blended learning module for a course in statistics*. International Journal on e-Learning and Higher Education. 3 (1): 52-71
- Sidek Ab. Aziz. 2001. *Penguasaan ICT dalam pembelajaran*. Dlm. Hamidah Meseran, Marzanah A Jabar, Yasminani Mohamad, & Chan Kim Fatt (pnyt.). Design and Development of Learning Management System at Universiti Putera Malaysia eSPRINT v2.0, hlm. 45-67. Serdang: Centre for Academic Development (CADE), UPM.

- Singh, H., & Reed, C. 2001. *A white paper: Achieving success with blended learning*. American Society for Training & Development (ASTD) State of the Industry Report. Alexandria, VA: American Society for Training & Development.
- Sun, J. & Sun, Y. 2012. *Promoting blended learning strategies based on the participatory instructional design concept*. Dlm. Zhang & Zhang, C. (pnyt.). Engineering Education and Management. Springer-Verlag Berlin Heidelberg. 543-547.
- Suraya Sintang & Faezah Kasim. 2004. *Pencapaian pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Kursus TITAS sebelum dan selepas pelaksanaan kelas tutorial*. Kertas Kerja Bengkel Kebangsaan Ketiga Pengajaran TITAS di IPTA. Anjuran Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, 13-15 April.
- Tom Boyle. 2009. *The design of learning objects for pedagogical impact*. Dlm Handbook of research on learning design and learning objects: Issues, applications, and technologies. DOI 10.4018/978-1-59904-861-1.ch019, akses pada 17 Disember 2019
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam*; Syed M.Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yilmaz, M.B. & Orhan 2010. *Pre-Service English teachers in blended learning environment in respect to their learning approaches*. The Turkish Online Journal of Educational Technology 9(1):157-163.
- Yin, R.K. 2009. *Case study research design and methods*. California: SAGE Publications, Inc.